

23/03/2004

Abdullah guna pen hadiah ibu tandatangani watikah

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam mengangkat sumpah jawatan dan sumpah menyimpan rahsia sebagai Perdana Menteri di hadapan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail, sehari selepas Barisan Nasional (BN) berkuasa semula setelah memenangi Pilihan Raya Umum Ke-11 kelmarin.

Acara penuh adat istiadat itu berlangsung di Balai Rong Seri Istana Negara di sini tepat jam 4 petang. Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid turut berangkat. Abdullah diiringi isteri Datin Seri Endon Mahmood.

Turut hadir bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor serta kenamaan lain.

Pada istiadat ringkas selama 20 minit itu Abdullah, 64, menggunakan pen Mont Blanc hadiah arwah ibunya, menandatangani watikah pelantikan disaksikan Ketua Hakim Negara, Tan Sri Ahmad Fairuz Abdul Halim.

Istiadat bermula dengan permasyhuran oleh Penolong Datuk Paduka Maharajalela mempelawa Abdullah maju untuk menerima watikah sumpah dan suratcara pelantikan yang kemudian dibacanya.

Istiadat ditutup dengan bacaan doa selamat oleh Mufti Wilayah Persekutuan Prof Dr Yusuff Hussain.

Ketika ditemui di kediaman Perdana Menteri di sini, sejam sebelum ke Istana Negara untuk majlis itu, Abdullah yang berpakaian baju Melayu hitam dengan butang hadiah ibunya, menunjukkan pen itu kepada wartawan.

Ini adalah kali kedua Abdullah memakai butang pemberian arwah ibunya itu. Kali pertama ialah ketika beliau mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri pada 31 Oktober lalu tetapi lupa untuk membawa pen berkenaan.

"Ibu saya bertanya kenapa tidak guna pen itu ketika tandatangan angkat sumpah jadi Perdana Menteri dulu. Sekarang saya ada pen ini tetapi dia tiada untuk melihatnya. Walaupun dia tiada, saya tahu dia ada dekat," katanya.

Ibu Abdullah, Allahyarham Datuk Khailan Hassan, 79, meninggal dunia awal Februari lalu ketika Perdana Menteri belum sempat menghabiskan 100 hari sebagai pemimpin kerajaan.